

RAHSIA KEKUATAN KITA KEMANUSIAAN

“Peri kemanusiaan sejati, tidak melanggar batas-batas kesopanan manusia, Manusia perlu menjaga kehormatan diri – perlu menghormati orang-orang lain seberapa patuh.” Demikian antara lain kata penulis rencana ini.
(oleh Loden Locek)



Jiwa dan hati pertalian rapat sekali. Apa yang dirasakan oleh jiwa terasalah di hati. Dan apa yang dirasakan oleh jiwa dan hati akibatnya terasalah oleh badan kasar. Kerana tiap-tiap satu itu ada perhubungannya yang diaturkan oleh Yang Maha Kuasa, dengan cukup sempurna.

Jiwa dan hati sentiasa mempunyai sifat yang berlawanan yang satu hendaklah mengalah yang lain, sedang yang lain itu mempertahankan kesuciannya. Apakah sifat-sifat itu? Ialah “halus” dan “kasar”. Istilah “halus” dan “kasar” ini lain perkataan:

Perasaan “peri kemanusiaan” dengan “kehaiwanan”.

Telah disebut, dua sifat ini dimiliki oleh jiwa dan hati dan keduanya sentiasa mengadakan perlawanan – menarik lawan ke arahnya, sebab itu kita dapati perasaan manusia sekali pasang sekali surut.

Mengenai lebih jauh ilmu falsafah jiwa manusia, saya tidak begitu faham, tetapi apa yang saya alami –

tegasnya ilmu jiwa orang muda-muda yang baharu meningkat alam pancaroba memang saya telah melaluinya. Betapakah pahitnya menempuh alam pancaroba ini. Mudah-mudahan sebagai panduan berfaedah uga kepada pemuda-pemudi yang sedang dan akan meningkat ke alam pancaroba.

Antara umur 16 hingga 20 tahun adalah alam pancaroba dan sangat menggoda jiwa pemuda dan pemudi. Seperti yang saya katakan tadi di waktu ini perasaan “halus” dengan perasaan kasar sentiasa mengadakan perlawanan hebat – yang satu hendak mematahkan yang satu. Sekuat-kuat iman dan jiwa akan terasa juga perasaan kasar.

Nafsu syahwat sekali pasang sekali surut. di waktu pasangannya sekali-kali hampir dapat memecahkan benteng yang bina oleh perasaan halus terutama di waktu berhadapan atau berdekatan dengan apa yang dituntuti oleh perasaan kasar.

Kerana kuat rempuhan perasaan kasar tadi, kalau

perasaan halus itu tidak mempertahankan kesucian dengan segenap tenaga, apa yang dipertahankan selama ini harus rubah. Bila saat kerubahan tiba – yang lazimnya bila dibina semula tidak terjadi sekuat binaan bermula. Perasaan kasar-kasar berkali-kali pula membuat rempuhannyap berkali-kali pula perasaan halus mengaku kalah dengan tidak bersyarat.

Sekali-kali ada juga kesedaran jiwa halus, dan ingin memperkuat dan mempertahankan kesucian batinnya dengan alat kerana menentang rempuhan jiwa kasar tetapi sebagaimana ingatlah dihuraikan kekalahan melalui diteruma oleh jiwa halus.

Di sini sayogia datanglah: seorang penuntut rendah diri sejak berumur 11 tahun dia disemi oleh gurunya dengan perasaan halus, dan jiwa halus ini bertambah subur. Meningkatkan dia ke umur 16 tahun dan satu perasaan yang tak pernah dirasainya sejak dia dilahirkan kini menjelma di jiwanya – dan inilah yang diketahui dia cuba mempertahankan dengan alat yang dilengkapkan selama ini. nyaris-nyaris pertahanannya kalah.

Perkara yang mesti dijaga diwaktu kedua perasaan ini mengadakan perlawanan ialah jangan mendekati atau di dekati apa yang dituntut oleh perasaan kasar. Diketahui aliran jiwa halus.

Perhaluskanlah jiwa halus itu sampai lebih halus bila jiwa halus dia akan menangkap sesuatu yang halus, dan dalam kehalusan jiwa ini kemenangan tulen yang sangat dituntut oleh “peri kemanusiaan”.

Apakah yang dituntut oleh jiwa halus? Kalau hendak dihuraikan tentu menggunakan banyak ruangan, tetapi beruang kerananya: ialah untuk “kebaikan” dirinya.

Jiwa halus di dirikan kerana mempertahankan sebarang nafsu yang akan merosakkan dirinya dan masyarakat umum. Didirikan guna mengadakan kebajikan kepada dirinya dan masyarakat sekelilingnya. Jiwa halus mulai berdiri ialah dengan semaian yang berbaja pada masa “perasaan” manusia masih kosong. Perasaan ini dari teguh ke hari menjalar ke urat saraf berrapak dengan teguh di lubuk jiwa kita.

Bila perasaan ini bertubuh dengan sumber, dia berkehendakkan jangkaan yang semestinya sampai menambahkan dahan-dahan baharunya. Berpucuk menambahkan rendangan, dan mengeluarkan akar lebih banyak, untuk menguatkan pendiriannya. Akhirnya dari rumpunan itu menjelmalah satu perasaan – perasaan halus dan iman. Ingin menuntut kesenangan dengan jalan yang diaturkan oleh Tuhan. Ingin membuat kebaikan untuk memperbaiki masyarakat. Ingin menangkis dan mengelakkan keburukan yang mungkin berlaku, dan akhirnya sekali di atas perasaan halus tadi terdirilah satu masyarakat yang teratur damai dengan segala kemewahan sejati.

* * *

Untuk menyempurnakan kehalusan jiwa di atas, di sini dibentangkan dengan secara ringkas cara-cara hendak memperhaluskan jiwa.

Sebagaimana yang kita semua maklum, bahawa manusia dizahirkan kedunia adalah denga serba kekurangan. Tetapi di samping kekurangan itu Tuhan telah memberi ialah kepada kita untuk mengatasi kekurangan itu alat itu “fikiran dan pancaindera”

Kalau manusia sedar dia adalah kaum manusia Sebaik-baik kejadian sudah barang tentu dia tidak batas-batas peri kemanusiaan. Kalau manusia tahu dia orang

-sambungan pada muka 35

sambungan dari muka 14

yang dijadikan mengapa dia tidak menerima kasih kepada yang menjadikannya. Kalau manusia tahu dia “manusia” mengapa dia tidak menggunakan sifat keinsanan untuk perjuangan hidup.

Sebagai manusia untuk menyempurnakan “keinsanan: dan untuk “memperhalusi” jiwa kerana hendak menangkap suatu yang halus, perlu tiga syarat yang utama:

1. keimanan yang teguh
2. peri kemanusiaan sejati
3. ketinggian cita-cita yang mulia

Mari kita bicara syarat yang tiga ini dengan secara ringkas.

Keimanan yang teguh:

Manusia mesti percaya bahawa dia dijadikan kerana itu sudah tentu pula ada yang menjadikannya. Dia ialah Tuhan Yang Maha Kuasa, kepada Dialah perlu kita menerima kasih dan syukur.

Manusia mesti menaruh keyakinan penuh terhadap kekuasaan Tuhan: Dia sentiasa mengawal hamba-hambanya baik dalam tidur atau juga, dalam terang atau gelap. Sentiasa melihat gerak-geri perbuatan hamba-hambanya. Segala perbuatan itu ada dengan balasannya.

Manusia mesti menaruh keyakinan penuh dan tidak boleh lali daripada berbuat kebaikan kepada Tuhan, berbuat jasa kepada bangsa, agama, dan tanah air walaupun perbuatan itu tidak disukai oleh setengah manusia. Kerana bukan balasan manusia yang kita harapkan tetapi balasan dari Yang Maha Kuasa.

Manusia mesti menaruh keyakinan penuh bahawa hidup ini berjuang. Perjuangan tidak akan berakhir selagi jantung masih berdenyut. Sebelum kita menutup mata riwayat perjuangan kita beroleh sedikit sebanyak memberi kesan kepada orang kemudian. Semolek-molek perjuangan ialah

perjuangan kerana Allah.

Seorang yang beriman tidak gentar menghadapi maut. Mati adalah kecintaan orang yang beriman. Mati ditempuhi oleh segenap yang bernyawa. Mati sebagai mengakhiri perjuangan dan menamatkan keburukkan sebab itu orang tidak gentar-gentar memasukkan medan perang dengan niat berperang kerana Allah. Perang menuntut kemerdekaan daripada penjajah pun satu daripada sabil Allah juga kira-kiranya iman tidak berganjak dari hati.

Orang yang beriman sentiasa bersyukur di atas nikmat Tuhan dan sentiasa berlakuserhana pada sebarang urusan. Kalau ditimpa kesusahan dia bersyukur dan kalau diberi kesenangan pun dua bersyukur. Syukurlah yang lebih dikehendakki daripada berkeluh kesah. Kerana dia menaruh keyakinan penuh, itu semuanya cubaan dari Tuhan. Siapa yang tahan menerima ujian dan mempunyai keimanan yang teguh dia menang. Kemenangan tidak akan tercapai melenakan bagi orang yang mempunyai azam.

Dan akhirnya sekali bagi orang yang beriman- tidak beriman kalau tidak beramal- sudah tentu tidak melanggar perintah Tuhan. Dia mesti mengamalkan rukun-rukun Islam sejauh mana yang dia berkuasa. Kerana hidup di akhirnya dengan kematian kemudian dihidupkan semula. Kita mesti menaruh keyakinan penuh dan iman yang teguh adanya hari pembalasan di akhir kelak.

Peri kemanusiaan sejati:

Tidak melanggar menjaga batas-batas kesopanan manusia.

Manusia perlu menjaga kehormatan diri- perlu menghormati orang lain dengan seberapa yang patut.

Kalau kita orang kaya tidak menyusahkan yang miskin. Kalau kita orang berpangkat tidak menyusahkan orang rendah atau orang berpangkat tidak menyusahkan orang rendah atau orang dibawah kita sebab kaya dan berpangkat itu didapati kerana adanya yang miskin dan bawahan kepada golongan manusia itu berlaku sama rata.

tidak melebihi satu dari yang lain. Hukum perbuatan adil, tidak memilih corak dan waran kulit atau bangsa. Apa yang dituntut kebaikan untuk dirinya dan kebahagiaan untuk semua orang.

Menceroboh hak kepunyaan orang jauh sekali cukup dengan apa yang ada dan berikhtiar mendapatkan apa yang kurang kepada tenaga dan kekuatannya yang diharapkan. Dan hasil dari tenaganya dan digunakan. Apa yang boleh dari keperluannya digunakan bagi faedah bersama.

Seterusnya manusia mesti berdiri di atas hak dan kebenarannya menghadapi kebenaran dan anggaplah sebagai menghadapi satu nikmat yang tidak ternilai.

Ketinggian cita-cita yang mulia:

Cita-cita ialah niat, azam yang ditaruh dalam hati mahu menyempurnakannya manusia sangat perlu adanya cita-cita.

Manusia yang tidak bercita-cita sebagai pokok yang tidak berdaun. Sebagai berjalan di bulan gelap tak bersuluh – sebagai badan yang tak berjiwa!!

Cita-cita yang dikehendakki ialah cita-cita yang mulia yang memberi faedah kepada bangsa dan tanah air, kerana cita-cita menyebabkan ayah bekerja tak mengenal penat memelihara anak-anaknya kerana cita-cita seorang ibu hampir putus bafas menzahirkan anak-anak kerana cita-cita menyebabkan seorang penganjur mati di tali maut kerana cita-cita menyebabkan seorang guru tak mengenal jemu dan bosan mendidik murid-muridnya.

Kerana cita-cita suci yang tersemat dihayatilah sebarang kerja berakhir dengan kejayaan dan keselamatan. Timbulnya cita-cita ini kerana sedia ada keinsafan menanti – sekianlah merdeka!

TELEPHONE 161
تليفون

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarlah dengan Pos

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu
penuntut-penuntut baharu diterima
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR
KUALA KANGSAR**